

U GB 30-11 00184 BH752

BAH

G-15 KAJI KRITERIA UNTUK ANGGOTA BARU  
Persidangan - Mahathir  
Daripada Donald Baptist

CARACAS, 30 Nov (Bernama) -- Para pemimpin negara-negara Kumpulan Kerjasama Selatan (G-15) bersetuju mengkaji kemungkinan memperluaskan keanggotaan kumpulan ini tu bagi mencerminkan keanggotaannya yang lebih seimbang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kriteria bagi menerima anggota baru akan dikaji oleh para menteri luar G-35 dan syor mereka mungkin dipertimbangkan pada sidang kemuncak akan datang di Dakar, Senegal.

Beliau memberi tahu wartawan Malaysia yang membuat liputan sidang kemuncak kedua itu di sini bahawa Asia dan Amerika Barat telah disebut sebagai kawasan yang anggota-anggota baru itu boleh diterima.

Para pemimpin G-15 berpendapat bahawa keanggotaan kumpulan itu boleh diperluaskan kerana keanggotaan sekarang mencakupi hanya tiga negara dari Asia, iaitu India, Indonesia dan Malaysia sementara Amerika Latin dan Caribbean diwakili oleh enam negara dan Afrika pula diwakili oleh lima negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sehingga kriteria itu ditetapkan dan dipersetujui oleh para pemimpin G-15 dan negara-negara yang akan diundang menyertainya, beliau tidak dapat mengumumkan nama negara-negara itu. -- Lagi

▼30/11/10-54MST

U GB 30-11 00162 BH753

BAH

Persidangan - Mahathir 2 Caracas

Beliau menyifatkan sidang kemuncak di sini, yang dihadiri oleh 11 daripada 15 ketua negara/kerajaan sebagai amat berjaya. Sidang kemuncak itu berakhir hari ini.

Beliau berkata, +inidapat dilihat hasil kesungguhan yang ditunjukkan oleh ketua-ketua kerajaan untuk menghadirinya. Hanya mereka yang mempunyai sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan tidak hadir.+

Ketua-ketua negara atau kerajaan yang hadir ialah dari Algeria, Argentina, India, Indonesia, Malaysia, Mexico, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe sementara yang tidak hadir ialah dari Brazil, Mesir, Jamaica dan Nigeria.

Beliau berkata Malaysia berpuas hati dengan hasil persidangan dan akan menghadiri sidang kemuncak ketiga di Dakar. Persidangan juga bersetuju bahawa India akan menganjurkan sidang kemuncak keempat sementara Argentina menjadi tuan rumah bagi sidang kemuncak kelima.

Datuk Seri Dr Mahathir berpuas hati dengan kemajuan projek-projek yang dicadangkan pada sidang kemuncak di Kuala Lumpur pada Jun tahun lepas terutama yang diserahkan kepada Malaysia untuk dilaksanakan. -- Lagi

▼30/11/11-02MST

U GB 30-11 00163 BH754

BAH

Persidangan - Mahathir 3 Caracas

Projek-projek ini ialah Peraturan Pembayaran Dua-Hal a (BPA) yang Malaysia telah menandatangani dengan 11 negara membangun, Peraturan Pembayaran Pelbagai Hal a dan penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) yang akan ditubuhkan di Kuala Lumpur.

Para pemimpin G-15 menarik perhatian bahawa peraturan pembayaran ini berjangkalan lancar dengan perdagangan di kalangan negara-negara Selatan telah meningkat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Jelaslah bahawa kumpulan ini telah menjadi kumpulan yang padu dan mantap yang memberi sumbangan ke arah penyelesaian masalah negara-negara Selatan di samping bersuara dan melahirkan pandangan pada forum-forum antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu."

Beliau juga berkata bahawa para Menteri Luar G-15 diberi tugas untuk menyediakan kertas kerja mengenai pandangan negara anggota berhubung dengan Orde Baru Dunia.

Pandangan negara-negara Selatan berhubung dengan Orde Baru Dunia dianggap penting kerana "kita tidak mahu Orde Baru Dunia dibentuk oleh Utara untuk kepentingan mereka sendiri", kata beliau. -- Lagi

30/11/11-06MST

CNS0450

U GB 30-11 00164 BH755

BAH

Persidangan - Mahathir 4 (Akhir) Caracas

Para pemimpin G-15 menegaskan bahawa Orde Baru Dunia perlu dipersetujui oleh negara-negara Selatan dahulu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sidang kemuncak juga memberi perhatian kepada isu-isu alam sekitar dan berpendapat bahawa pandangan negara-negara membangun perlu diambil kira pada Persidangan mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Rio de Janeiro pada Jun, 1992.

Pandangan-pandangan ini ialah berdasarkan kaajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Selatan yang menyediakan kertas cadangan mengenainya.

Perdana Menteri berkata Malaysia belum memutuskan sama ada untuk menghadiri Persidangan Kemuncak Bumi + dan akan menunggu hasil mesyuarat Jawatankuasa Persediaan di Geneva dan mesyuarat peringkat Menteri negara-negara membangun di Kuala Lumpur.

Datuk Seri Dr Mahathir juga gembira kerana Mesyuarat Pertama Ahli-ahli Perniagaan sempena sidang kemuncak ini telah berhasil dan memberi kesempatan kepada wakil sektor swasta dari negara-negara G-15 menjalin hubungan di samping mendapat maklumat ke arah menjalin perdagangan dan pelaburan di kalangan negara anggota. -- Bernama

30/11/11-06MST